



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Majlis Amanah Ra'ayat (Pindaan) 1971
DR.97/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Ra'ayat, 1966.

[1hb September, 1971.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Majlis Amanah Ra'ayat (Pindaan), 1971, dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan September, 1971.

Tajok
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Sekshen 2 Akta Majlis Amanah Ra'ayat, 1966 (kemudian daripada ini di-sebut "Akta ibu") ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan sa-lepas sahaja taarif "Pengerusi" taarif baharu yang berikut—

Pindaan
bagi
sekshen 2.
20/66.

"'Ketua Pengarah Kerja' erti-nya Ketua Pengarah Kerja Majlis;"

dan sa-lepas sahaja taarif "perbadanan" taarif baharu yang berikut—

"'Timbalan Pengerusi' erti-nya Timbalan Pengerusi Majlis yang di-lantek di-bawah sekshen 4;"

3. Sekshen 3 Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda seperti berikut—

Pindaan
bagi
sekshen 3.

(a) masukkan sa-lepas sahaja perkataan "Pengerusi" yang terdapat dalam sekshen-kecil (3) (a) perkataan² "dan sa-orang Timbalan Pengerusi";

(b) gantikan sekshen-kecil (4) dengan yang berikut—

"(4) Ahli² Majlis hendak-lah di-lantek oleh Menteri.";

(c) gantikan sekshen-kechil (5) dengan yang berikut—

“(5) Jika Pengerusi atau Timbalan Pengerusi tidak boleh menjalankan tugas²-nya di-bawah Akta ini oleh sebab sakit, tidak ada dalam Persekutuan atau oleh kerana apa² sebab lain, Menteri boleh melantek mana² orang, sama ada atau tidak ia sa-orang ahli Majlis, sa-bagai sa-orang Pengerusi sementara atau Timbalan Pengerusi sementara, mengikut mana yang berkenaan, dan ia hendak-lah melaksanakan tugas² dan menjalankan kuasa² Pengerusi atau Timbalan Pengerusi di-bawah Akta ini.”; dan

(d) masokkan sa-lepas sahaja perkataan “Pengerusi” di-mana sahaja terdapat perkataan itu dalam sekshen-kechil (6) perkataan² “dan Timbalan Pengerusi”.

Pindaan
bagi
sekshen 4.

4. Sekshen 4 (1) Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan sa-lepas sahaja perkataan “Pengerusi” perkataan² “dan Timbalan Pengerusi”.

Pindaan
bagi
sekshen 7.

5. Gantikan sekshen 7 Akta ibu dengan yang berikut—

“Pengerusi
dan
Timbalan
Pengerusi.

7. (1) Pengerusi hendak-lah menjalankan penyelesaian dan pengawalan atas perbuatan dan perjalanan Majlis dalam perkara² mengenai dasar am.

(2) Timbalan Pengerusi ada-lah Ketua Pengarah Kerja yang bertanggungjawab bagi menyediakan program, sekim atau projek untuk pertimbangan Majlis, bagi mengeluarkan panduan dasar atau penerangan mengenai keputusan² Majlis kepada pegawai dan penjawat Majlis dan bertanggungjawab bagi menyelia dan mengawal pelaksanaan keputusan² yang tersebut.”.

Pindaan
bagi
sekshen 8.

6. Sekshen 8 Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda—

(a) dengan menggantikan sekshen-kechil (2) dengan yang berikut—

“(2) Pengarah bagi tiap² satu bahagian hendak-lah di-lantek oleh Majlis dengan kelulusan Menteri dan hendak-lah bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Kerja.”; dan

(b) dengan memasukkan sa-lepas sahaja perkataan² “bahagian yang berkenaan” yang terdapat di barisan 1 dan 2 dalam sekshen-kechil (3) perkataan² “tertaklok kapada arahan Ketua Pengarah Kerja”.

7. Sekshen 10 (2) Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan sa-lepas sahaja perkataan “hendak-lah” perkataan² “terta'alok kapada arahan Ketua Pengarah Kerja”. Pindaan bagi sekshen 10.

8. Sekshen 11 Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan menggantikan perkataan²— Pindaan bagi sekshen 11.

(a) “Pengerusi atau kapada mana² ahli-nya” yang terdapat dalam sekshen-kechil (1);

(b) “Pengerusi, mana² ahli” yang terdapat dalam sekshen-kechil (2); dan

(c) “Pengerusi, mana² ahli-nya” yang terdapat dalam sekshen-kechil (3),

dengan perkataan² “mana² ahli Majlis”.

9. Sekshen 29 Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memotong perkataan “Pengerusi,” dalam-nya. Pindaan bagi sekshen 29.

10. Sekshen 31 Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan menggantikan perkataan² “Pengerusi, semua ahli” dengan perkataan² “Semua ahli”. Pindaan bagi sekshen 31.

11. Sekshen 35 Akta ibu ada-lah dengan ini di-pinda dengan menambah sa-lepas sahaja perkataan “Pengerusi” yang terdapat dalam butiran (b) perkataan² “atau Timbalan Pengerusi”. Pindaan bagi sekshen 35.

HURAIAN

Tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk membuat peruntukan mengenai perlantikan sa-orang Timbalan Pengerusi sa-bagai ahli Majlis yang bertanggungjawab melaksanakan tugas² sa-orang Ketua Pengarah Kerja.

2. Pengerusi ada-lah bertanggungjawab mengenai dasar am Majlis dan Timbalan Pengerusi ada-lah di-beri kuasa melaksanakan dasar dan bertanggungjawab dalam semua perkara mengenai pentadbiran Majlis (Fasal 5).

3. Ada-lah menjadi tujuan Rang Undang² ini memberi kuasa kapada Menteri bukan sahaja untuk melantek Pengerusi sementara tetapi juga untuk melantek Timbalan Pengerusi Sementara sa-kira-nya Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, mengikut mana yang berkenaan, tidak dapat

menjalankan tugas²-nya oleh kerana sakit, tidak ada dalam Persekutuan atau oleh kerana apa² sebab lain. Siapa jua, sama ada atau tidak ia sa-orang ahli Majlis, boleh di-lantek sa-demikian (*Fasal 3 (c)*).

4. Tujuan peruntokan² lain dalam Rang Undang² ini ia-lah untuk membuat peruntokan bagi—

(a) memasukkan perkataan² “Timbalan Pengerusi” dalam beberapa sekshen Akta itu berbangkit daripada perlantekan Timbalan Pengerusi sa-bagai sa-orang ahli Majlis; dan

(b) menggunakan perbahasaan “ahli² Majlis” di-seluruh Akta itu untuk menchapai keselarasan. [P.N.(U²) 240.]